

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 5 RABU 29 JANUARI, 1969 1388 رابو 10 ذوالقعدہ PERCHUMA

Pasokan bomba yang chergas di-mestikan bagi negara yang baru membangun

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof telah menyatakan bahawa penubuhan pasokan bomba yang lengkap dan chergas ada-lah satu kemestian bagi negara2 yang baru membangun seperti Brunei.

Perkhidmatan pasokan ini ada-lah sangat2 di-perlukan bagi menghindarkan bahaya kebakaran yang boleh merosakkan penghidupan dan harta yang tinggi nilai-nya kalau tidak di-adakan kawalan2 yang chukop chergas.

Beliau berkata bahawa masyarakat dan negara kita harus di-kawal dari kejadian2 yang sa-umpama itu dengan menguatkan lagi perkhidmatan pasokan bomba yang ada sekarang.

“Perkembangan ini ada-lah salah satu dari usaha2 Kerajaan yang di-laksanakan bagi faedah2 rayat negeri ini,” tegas beliau.

Kenyataan itu di-buat beliau dalam satu upacara tamat latehan bagi 32 orang pelatoh2 pasokan itu kali yang ke-7 yang berlangsung di-Balai Bomba di-sini pada hari Rabu minggu lepas.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyatakan kekaguman beliau melihat kepada gerak laku ahli2 bomba negeri ini yang penoh bersemangat dan berdisiplin.

“Semangat dan disiplin ini saya perchaya akan menjadi sumber tenaga dan khidmat bagi negara kita yang sama2 kita chintai ini”, tegas beliau.

Beliau berharap bahawa dengan bertambah-nya ahli2 bomba sekarang ini akan dapat menunaikan kewajipan mereka kepada negara dan masyarakat dengan lebeh terotor dan terkawal serta lichen dan memuaskan.

(Lihat Muka 8)

Baju “Samurai”

Begini-lah bentuk baju purba “Samurai” yang telah di-hadiahkan oleh Penolong Menteri Kesihatan Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin kepada Muzium Brunei untuk di-pamerkan.

Baju purba ini sudah berusia kira2 400 tahun dan berharga kira2 \$10,000 Ia-nya telah di-hadiahkan oleh sa-orang Jepun kepada Yang Berhormat itu beberapa tahun yang lalu.

Ini ada-lah hadiah yang kedua yang di-terima oleh Muzium Brunei dari orang ramai. Hadiah pertama ia-lah sa-buah lukisan yang berharga \$2,000 yang telah di-hadiahkan oleh Pehin Kapitan China, Awang Lim Teck Hoo dalam tahun 1966.



Penasehat2 ECAFE tiba untuk bantu perkembangan sosial

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penasehat Daerah ECAFE sedang berada di-negeri ini untuk menasehat kerajaan dalam perkembangan sosial di-negeri ini.

Awang P.D. Kulkrani, Penasehat Perkembangan Sosial Daerah telah tiba di-Brunei pada 19 Januari lalu untuk menasehat kerajaan dalam menilai harapan bagi perkembangan sosial di-negeri ini sa-bagai sa-bahagian dari seluroh pembangunan negara. Beliau akan berada di-sini sa-lama dua minggu.

Dua orang lagi penasehat daerah ECAFE ia-lah Dr. K.R. Nair dan Puan Kathleen Jupp.

Dr. Nair ia-lah Penasehat daerah ECAFE mengenai Pengambilan Chontoh dan La-

tehan Perangkaan.

Beliau telah berada di-Brunei dari 5 Januari hingga 18 Januari untuk menasehat dan menolong kerajaan dalam mengesan terhadap besar dan bentuk chontoh penduduk dalam chontoh sosial dan demografi yang telah di-jalankan dalam tahun 1968.

Puan Kathleen Jupp, Penasehat Daerah ECAFE mengenai Pendaftaran Hal Ehwal Kemasyarakatan Am telah tiba di-Brunei pada 15 Januari dan beliau di-jadualkan akan berada di-sini sa-lama dua minggu.

Puan Kathleen akan menasehatkan kerajaan mengenai usaha mengumpul dan mengemukakan maklumat berkenaan dengan hasil penyiasatan chontoh sosial dan demografi di-negeri ini yang telah di-adakan pada tahun lepas.

Maklumat2 yang di-perolehi itu akan di-gunakan sa-bagai asas bagi perancangan sosial dan ekonomi di-negeri ini.

Latehan bersama pulis dan tentera

BANDAR BRUNEI. — Satu latehan bersama pasokan Pulis dan Askar Melayu Di-Raja Brunei akan di-jalankan sa-lama tiga hari mulai hari ini.

Latehan yang di-berinama ‘Kipas Satu’ itu akan di-jalankan meliputi kawasan2 Bandar Brunei dan Pekan Bangar, Temburong.

Sa-masa latehan anggota2 Pulis dan tentera akan bergerak dari satu ka-satu kawasan tetapi ini tidak akan menjadi gangguan kepada orang ramai.

Peluru2 kosong atau chahaya api akan di-gunakan dalam latehan itu.



Gambar menunjukkan 10 dari 20 orang penuntut yang telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.

Mereka telah di-hantar ka-Sekolah Menengah Inggeris Siglap.

Sa-puluh orang yang lain-nya itu telah di-hantar ka-Sekolah Menengah Gabungan Telok Kurau untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam aliran Melayu.

Penuntut2 tersebut ada-lah kumpulan kelima di-hantar ka-republik itu sejak tahun 1965.

PEPEREKSAAN G. C. E. BULAN JUN INI

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran sedang menyusun untuk mengadakan peperiksaan Sijil-Am-Pelajaran, dalam berbagai mata pelajaran peringkat biasa dan lanjutan, dalam bulan Jun tahun ini.

Chalun2 yang hendak memasuki peperiksaan itu, hendaklah lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Chalun2 juga hendaklah mempunyai bukti mengenai pelajaran-nya baru2 ini, atau mendapat sukongan dari pengetua sekolah2 mereka, atau penyusun Pelajaran Kelas Dewasa di-Maktab SOAS Bandar Brunei, atau di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Borang2 permohonan sekarang boleh di-dapati dari pusat2 peperiksaan di-Bandar Brunei dan Seria.

Semua borang yang telah di-isikan bersama2 wang bayaran masuk dan surat2 akuan atau sijil hendaklah tiba kepada Pengarah Pelajaran, Bandar Brunei tidak lewat dari 30 Januari.

Masjid baru untuk Kg. Jerudong

JERUDONG. — Penduduk2 di-Kampung Jerudong sedang merancang untuk membena sa-buah masjid baru untuk menggantikan masjid yang ada sekarang di-kawasan itu.

Sa-buah jawatankuasa yang mengandungi 12 orang ahli telah pun di-bentuk untuk melaksanakan kerja2 yang berhubung dengan pembenaan masjid tersebut.

Setia Usaha Jawatankuasa itu, Awang Badar bin Sisa berkata, oleh kerana penduduk2 di-kampung itu semakin bertambah, sa-buah masjid baru ada-lah perlu untuk menampung keperluan penduduk2 di-situ untuk berjemaah.

Masjid yang ada sekarang ini telah di-bena dalam tahun 1956 oleh penduduk2 di-kawasan itu dengan bantuan dari kerajaan.

Sementara itu, kampung2 Kilanas dan Sengkurong telah pun mempunyai masjid baru. Pembenaan masjid Sengkurong telah siap dalam tahu lalu sementara masjid Kilanas dijadualkan siap bulan ini.

Penuntut2 meneruskan pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Saramai 13 orang penuntut Uga-ma Brunei, termasuk 9 orang perempuan telah berlepas ka-Malaysia Barat untuk melanjutkan pelajaran sa-telah menghabiskan chuti mereka bersama2 keluarga di-Brunei

Lima orang di-antara mereka ada-lah dari Sekolah

DUA KELUARGA DAPAT BANTUAN JABATAN KEBAJIKAN

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Kebajikan telah memberi bantuan wang sa-banyak \$1,000 kepada dua keluarga di-Kampung Ayer untuk membena dua buah rumah bagi keluarga tersebut.

Bekalan kuasa letrik di-perbesar

BANDAR BRUNEI. — Ketua Jurutera Letrik, Awang E.F. Brown berkata pembenaan jentera salingan Disel number lima dan enam di-pusat kuasa letrik di-Gadong akan siap dan boleh di-gunakan dalam bulan hadapan.

Awang Brown berkata, pembenaan dua buah jentera ini akan menyempornakan pemasangan kilang kuasa letrik di-pusat itu.

Sementara itu, pembenan sa-buah lagi jentera gas turbine di-Seria di-jangka akan di-mulakan dalam masa beberapa minggu lagi.

Jentera gas turbine yang pertama mulai di-gunakan di-Seria dalam bulan April 1967.

Ugama Gunong Semanggol, empat dari Sekolah Arab Perempuan Atta'yah, Kuala Kangsar dan empat orang dari Sekolah Izuddin Shah, Kuala Kangsar.

Mereka telah di-temani oleh Nazir sekolah2 Ugama Daerah Belait, Awang Abdul Hamid bin Mohammad Daud.

Wang bantuan telah di-se-rahkan oleh Pesuruhjaya Kebajikan Awang Salleh bin Haji Masri kepada Ketua Kampung Lurong Sikuna, Haji Awang Bakar bin Haji Perali pada minggu lalu.

Awang Salleh berkata, wang tersebut akan di-gunakan untuk membeli perkakas2 rumah sahaja sementara kerja membangunkan rumah2 itu akan di-jalankan sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 di-kampung itu.

Awang Salleh sa-lanjut-nya berkata, salah satu keluarga itu telah pun menerima bantuan dari Pejabat Kebajikan sa-banyak \$20.00 tiap2 bulan.



Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri sedang menyampaikan wang bantuan tersebut kepada Ketua Kampung Lurong Sikuna, Haji Awang Bakar bin Haji Perali yang telah di-pejabat kebajikan pada minggu lalu.

KITA di-jadikan Tohan bukan-lah di-hinakan, bahkan untok di-muliakan 'dan di-letakkan di-tempat yang sesuai dengan kejadian kita. Perkara ini ternyata daripada firman Tohan dalam Suratul Al-'Araf ayat 10 dan 11 yang bermaksud; "Demi sa-sungguh-nya telah kami (Tohan) tetapkan kamu di-muka bumi dan kami jadikan bagi kamu matabenda penghidupan di-atas-nya tetapi amat sedikit di-antara kamu yang berterima kaseh. Demi sa-sungguh-nya kami (Tohan) telah chiptakan kamu dan kami (Tohan) bentok kamu demikian rupa, kemudian kami (Tohan) perentahkan kapada malaikat, sujud-lah kamu kapada Adam."

Menurut ayat tadi bahawa kita jenis manusia telah mendapat penghormatan yang tinggi, ia-itu Tohan memerentahkan malaikat supaya sujud dan memberi hormat kapada Adam, perkara ini patut-lah menjadi renongan kita.

Kemuliaan yang di-kurniakan oleh Tohan kapada kita itu ada-lah terletak kapada kita untok mempertahankan-nya, atau pun untok menchuaikan-nya. Dalam kedua2 hal itu, ia-itu sama ada kita mempertahankan-nya atau menchuaikan-nya, Tohan tidak-lah rugi apa2 kerana Tohan sentiasa bersifat maha kuasa dan bersifat dengan sifat2 kesempurnaan. Masaalah-nya terserah kapada kita, kalau kita mempertahankan-nya maka keuntungan itu kita yang dapat dan kalau kita menchuaikan-nya, maka kerugian akan terimpa ka-atas kita.

Untok mempertahankan kemuliaan itu, Tohan telah nunjukkan jalan untok kita lalui. Jalan itu ia-lah Ugama yang di-redhai-nya, kerana ugama yang di-redhai-nya itu mempunyai peraturan2 yang boleh menjadikan perjalanan dan perhubungan manusia di-dunia dan di-akhirat berdasarkan kebenaran dan keadilan.

Ugama yang di-redhai-nya itu bagi manusia, sa-olah2 merupakan makanan kapada badan. Ia ada-lah perkara yang mesti untok memelihara kehidupan-nya dan perkara yang menyenangkan untok pancha-inder. — Tohan dengan peraturan2 yang telah di-tetapkan-nya ada-lah bersama2 ibu bapa bagi menghadapi anak yang derhaka. — Tohan bersama2 orang yang teranyia

KEMULIAAN MANUSIA

DI-SISI TOHAN

Ada-lah terpulang kapada kita untok mempertahankan-nya

KHUTBAH JUMA'AT

bagi menghadapi orang yang dzalim. — Tohan bersama2 sasiapa yang teranyia pada kehormatan-nya, harta-nya dan darah-nya.

Ada-kah ajaran2 itu merupakan perkara yang menyusahkan manusia? Ada-kah ajaran itu merupakan perkara yang menyeksa manusia? Bukankah ia merupakan rahmat dan kebajikan?

Oleh itu kira-nya Tohan memerentahkan manusia untok melakukan ibadat yang mana ibadat itu sangat-lah senang dan tidak sekali2 menyusahkan kita, apa lagi ibadat itu merupakan detik2 dan saat2 memuji Tohan, bershukor kapada Tohan, mengingatkan kebesaran Tohan, di-samping itu kita merafakkan permohonan untok meminta limpah kurniannya, maka ada-kah ibadat2 yang di-fardhukan itu merupakan perkara yang menyakitkan kita ketika kita menunaikan-nya?, dan kita berdoleh2 un-

tok tidak menunaikan-nya?

Sa-benar-nya Tohan dalam masaalah ibadat yang di-wajibkan-nya kapada kita ia tidak-lah berkehendakan supaya kita susah, bahkan Tohan mengkehendaki kita supaya senang, supaya pemurah, supaya mulia dan sa-bagai-nya. Tetapi yang aneh-nya ia-lah bahawa kita manusia ini enggan mahu menyahut seruan dan ajaran2 Tohan itu. Kita enggan menurut perentah2-nya, bahkan sebahagian daripada kita tenggelam dalam durongan hawa nafsu, lupa daratan dan lupa-kan ajaran Tohan.

Sebahagian daripada kita, jenis manusia ini sa-olah2 menjauhkan diri daripada Tohan kerana sudah di-tawan oleh hawa nafsu, kerana hawa nafsu menguasi-nya dan telah menjadi menunggangi-nya, maka mabok-lah mereka, bukan sahaja mabok itu kerana minum arak, tetapi mabok kerana membuat perkara2 yang di-tegah oleh Tohan, membuat maasiat dan perkara yang mungkar.

Tohan sangat-lah kesihan-kan akan hamba-nya kerana itu walau pun manusia telah tenggelam dalam membuat perkara2 yang di-larang-nya, tetapi Tohan maseh membuka pintu taubat-nya supaya manusia2 yang tersebut itu dapat kembali ka-jalan yang benar, maseh ada lagi harapan bagi manusia untok membetulkan diri-nya sa-belum ia menghadapi keadaan naza'.

Dan Tohan sangat-lah suka dan kesukaan itu tidak dapat di-lukiskan apabila manusia yang sesat itu kembali ka-jalan yang benar. Kerana Rasuluallah pernah bersabda yang bermaksud saperti berikut:

Allah sangat-lah suka dengan taubat hamba-nya yang



beriman, kesukaan itu lebeh daripada kesukaan sa-orang yang turun ka-satu lembah yang merbahaya, bersama2-nya kenderaan-nya, di-atas kenderaan-nya itu ia-lah makanan dan minuman, orang itu meletakkan kepala-nya di-atas bumi kemudian ia pun tertidor, apabila ia bangun di-dapati-nya kenderaan-nya telah tiada, maka ia pun mencharinya ka-sana ka-mari sa-hingga ia penat dan dahaga, maka ia pun berkata, aku kembali ka-tempat aku tidor tadi, aku akan tidor di-sana sa-hingga aku mati, sa-sudah ia kembali maka di-letakkan-nya kepala-nya di-atas lengan-nya untok lena tertidor dan sa-terus-nya menemui maut, ia pun tertidor. Apabila ia terbangun, alangkah terperanjat-nya dan alangkah suka hati-nya kerana kenderaan-nya, makanan dan minuman-nya yang hilang itu telah kembali dan berada di-sisinya. Sa-benar-nya Tohan amat suka dengan taubat hamba-nya yang beriman, kesukaan Tohan itu lebeh daripada kesukaan yang di-rasakan oleh orang dengan kenderaan yang dicheritakan itu.

Oleh itu, kedudukan yang sa-benar-nya bagi kita manusia ini, ia-lah sa-bahagian daripada kita jahil akan Tohan kita, tidak mengetahui akan Ugama Islam, kerana kejahilan itu-lah timbul-nya perasaan sejk terhadap Ugama, atau pun perasaan yang ingin melarikan diri daripada-nya. Pada hal manusia tidak akan mendapati yang lebeh baik selain daripada Tohan, manusia tidak akan mendapati yang lebeh mengasehani dan lebeh mengasehi selain daripada Tohan.

Maka, wahai kaum muslimin sekalian, mari-lah kita menghampirkan diri kapada Tohan dengan penoh kerinduan dan ketaatan dan jangan-lah nanti kita di-sirit dengan ka-garunan menuju seksa neraka jehannam.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muará, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 Januari, 1969 hingga ka-hari Selasa 4 Februari, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bu'an	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
29 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36	
30 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36	
31 Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36	
1 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
2 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
3 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
4 Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

29 Januari, 1969.

ADA-NYA PANGGILAN2 PALSU

PERKHIDMATAN Bomba ada-lah satu2-nya perkhidmatan yang mempunyai tugas yang tersendiri dalam mengawal kebakaran dan ketenteraman raayat dan negara. Tugas itu telah di-ketahui umum ia-lah untuk menchegeh bagi melindungi nyawa dan harta benda serta keperluan2 yang lain-nya.

Tugas ini bukan-lah suatu tugas yang remeh dan tidak penting atau pun "yang boleh di-permain2kan." bahkan tugas mereka itu ada-lah merupakan satu tugas yang mempunyai tanggung-jawab yang berat dan berkait rapat hubongannya dengan orang ramai.

Ada-nya panggilan2 talipon palsu atau lebeh tegas lagi di-lakukan dengan yang tidak jujur atau yang terbit dari "sifat2 mengachau" ada-lah satu perbuatan yang amat berbahaya. Perbuatan ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada orang lain di-samping mengelirukan pegawai2 bomba untuk mengarahkan pasokan-nya bekejar ka-tempat2 yang menurut panggilan itu.

Dari perbuatan yang jahat ini juga boleh mengganggu perjalanan perkhidmatan bomba dari menumpukan perkhidmatan yang cergas dan licih serta terotor yang selaras dengan tugas yang mereka pikul.

Berpuncha dari sini pegawai2 bomba terpaksa menjalankan penyiasatan yang teliti sama ada kebakaran itu betul2 terjadi atau "senghaja di-mainkan." Sebab itu, pemanggil2 yang menggunakan talipon di-perlukan memberi keterangan2 yang chukup, umpama-nya dengan menyatakan nama pemanggil; menyatakan tempat kebakaran dan apa yang terbakar. Semua itu ada-lah merupakan kunci bagi perkhidmatan bomba untuk menjalankan perkhidmatan mereka dengan lebeh berkesan.

Saperti yang di-katakan bahawa tugas perkhidmatan bomba berkait rapat dengan orang ramai ada-lah memerlukan perhatian yang sa-penuh2 nya dan pemanggil2 hendaklah bersifat jujur dan tidak membuat panggilan2 yang sebarangan.

Bagi menchegeh perbuatan jahat yang di-sebutkan itu, maka orang ramai ada-lah perlu memberikan kerjasama mereka bagi menchegeh agar perbuatan2 sa-umpama itu dapat di-tumpaskan.

Kita harus-lah bersifat jujur dalam apa jua perkara, lebeh2 lagi yang berhubong rapat dengan ketenteraman dan kebahagiaan masharakat kita sendiri dan negara kita yang di-chintai ini.




Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof sedang menyampaikan ucapan di-upachara tamat latehan ka-atas 32 orang ahli pasokan bomba yang baru. Di-kanan beliau yang berdiri tegak itu ia-lah Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam So Man.



Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar sedang membalas tabek kehormatan di-upachara perbarisan tamat latehan itu.



Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar memereksa perbarisan yang terdiri dari ahli2 bomba yang baru itu.



Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyampaikan piala kepada ahli bomba yang terbaik, FN No. 138 Mohammad bin Awang Jaafar.

HUBONGAN PERKHIDMATAN BOMBA DENGAN ORANG RAMAI

PERKHIDMATAN Bomba ia-lah di-antara perkhidmatan2 yang terpenting bagi mengawal kebahagiaan dan ketenteraman raayat dan negara bagi sa-sabuh negara baik yang telah maju dengan perkembangan2-nya, mahu pun yang baru melangkah ka-ambang pembangunan-nya.

Mengawal dan menchegeh kebakaran bukan-lah merupakan tugas yang remeh dan ringan, bahkan ia-nya merupakan satu tugas yang amat berat yang kadang2 menimbulkan berbagai2 bahaya kepada ahli2 bomba yang bertugas itu. Lebeh menyedehkan lagi jika terjadi kebakaran yang besar2 kadang2 berlaku peristiwa yang sedeh dan memilukan. Istilah "bergadai nyawa" ada-lah tidak terkechuali di-kalangan ahli2 bomba itu.

Pasokan Bomba Brunei telah menjadi satu pasokan yang bersendirian sejak tahun 1963. Sa-belum itu pasokan

ini di-satukan dengan pasokan Pulis Di-Raja Brunei. Pada masa ini pasokan itu mempunyai 150 orang ahli yang terlatch di-samping lebeh dari 20 orang pegawai kanan dan pegawai rendah.

Saperti yang di-ketahui akan tugas2 pasokan ini, maka hubongannya dengan orang ramai ada-lah amat rapat sekali, malah kerjasama dari mereka ada-lah sangat2 di-perlukan dalam usaha penchegehakan kebakaran di-mana juga berlaku di-negeri ini.

Kerana itu, orang ramai ada-lah diharapkan supaya dapat membantu melichinkan perkhidmatan bomba dengan memberikan laporan2 yang betul terhadap satu2 kebakaran. Panggilan2 melalui talipon hendaklah di-buat dengan sa-terang2-nya saperti menunjukkan tempat kebakaran dan apa yang terbakar. Pemanggil2 itu hendaklah benar2 jujur dan bertanggung-jawab supaya perkhidmatan bomba dapat menjalankan tugas2 mereka dengan licih dan terotor.

(Gambar2 ini menunjukkan upacara tamat latehan bagi 32 ahli bomba yang baru).

Pertunjukkan kechergasan menggunakan alat2 pemadam api yang terdapat pada kenderaan2 bomba.

Pasokan Pencharagam Pulis Di-Raja Brunei turut juga menyertikan lagi upacara tamat latehan itu.




Pertunjukkan kuasa deras panchutan ayer dari salah sa-buah kenderaan bomba.



Pertunjukkan bagi empat chara menchegeh kebakaran dari bangunan yang rendah hingga ka-bangunan2 yang tinggi.



Menggunakan tangga otomatis ada-lah di-perlukan bagi menchegeh kebakaran yang berlaku ka-atas bangunan yang tinggi.



Pasokan Pencharagam Pulis Di-Raja Brunei turut juga menyertikan lagi upacara tamat latehan itu.



Gambar atas menunjukkan balai bomba di-Pekan Tutong dan gambar bawah pula ia-lah balai bomba Muara.

Pembinaan kedua2 buah bangunan tersebut di-jadualkan siap dan di-gunakkan dalam bulan hadapan.



Bekas2 tahanan memohon tanah T.O.L.

SERIA. — Pegawai Pemulihan dan Penyelenggaraan Sa-lepas Tahanan, Awang L.J. Brown telah berjumpa dan bertemu ramah dengan 24 orang bekas tahanan termasuk sa-orang China di-bilik mahkamah Seria pada hari Selesa lepas.

Perjumpaan tersebut ia-lah bagi mengetahui masaalah yang di-hadapi oleh bekas2 tahanan itu sejak mereka di-bebaskan.

Beberapa orang bekas tahanan yang bekerja dengan Jabatan Kerja Raya telah mengadu tentang tempat kediaman mereka yang di-katakan terlalu kecil dan sempit.

Sa-tengah daripada mereka mengadu kerana tinggal bersama keluarga dan meminta pegawai pemulihan itu su-

paya menolong mereka untuk mendapatkan rumah.

Sa-orang bekas tahanan yang menjadi ketua Persatuan Peladang di-Kampung Perpindahan Duhon, Kuala Belait telah memohon sa-keping tanah T.O.L. sa-luas 50 ekar.

Beliau berkata, persatuan-nya mempunyai 50 orang ahli, 20 orang daripada bekas tahanan.

Beliau dan rakan2-nya, kata-nya, telah menunjukkan ta'at setia dan boleh bekerja kuat.

Bekas tahanan China itu pula meminta, Awang Brown menolong-nya untuk mendapatkan lesen taxi.

Sa-orang bekas tahanan di-Sungai Liang telah memberi-

48 PEMBORONG DI-DAFTARKAN SA-BAGAI PEMBORONG2 LETRIK

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 48 pemborong telah di-daftarkan oleh Jabatan Letrik bagi memasang kawat letrik, alat hawa dingin kebel bawah tanah dan kawat di-atas.

71 buah kampung di-sembor dengan ubat DDT tahun lalu

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 71 buah kampung diseluruh negeri ini telah di-sembor dengan ubat DDT dalam edaran pertama dan kedua pada tahun lalu.

Ketua Projek Penghapus Malaria, Dr. Y.T. Wu berkata, jumlah kampung2 yang di-sembor dalam edaran kedua ada-lah sama seperti dalam edaran menyembor yang pertama, kerana penyemboran kedua itu ada-lah merupakan ulangan.

Dr. Wu berkata, di-sepanjang tahun lalu kira2 6,587 litre ubat DDT telah di-gunakan bagi menyembor 1,462 buah rumah atau bangunan dalam penyemboran pusingan pertama dan 1,425 buah rumah atau bangunan di-sembor dalam pusingan kedua.

Beliau berkata, jumlah rumah2 yang di-ranchangkan di-sembor ada-lah lebeh.

Beliau menyatakan bahawa rombongan2 penyembor tidak dapat menyembor lebeh dari 200 buah rumah kerana penghuni2-nya tidak ada di-tempat mereka ketika penyemboran itu di-jalankan.

Mereka telah di-pilih dari 89 permohonan dari Brunei, Hong Kong, Malaysia dan Singapura.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata, permohonan2 yang lain-nya maseh lagi di-siasat sa-belum ia-nya di-luluskan.

Dari jumlah tersebut sa-banyak 21 pemborong telah di-daftarkan bagi memasang kawat letrik yang mana telah di-bahagikan kepada tiga jenis ia-itu A,B, dan C. Sa-banyak 15 pemborong telah di-daftarkan bagi memasang alat hawa dingin dan 12 pemborong untuk memasang kebel bawah tanah, tiga daripadanya bagi memasang kawat di-atas.

Lesen2 mereka sah di-perlakukan sa-lama 12 bulan dari 1 Januari hingga 31 Disember dan tiap2 lesen itu boleh di-perbaharui dengan bayaran \$10.00.

Tebing Sungai Tutong di-pagar

TUTONG. — Lembaga Bandaran Tutong telah selesai membena empat buah bangku konkrit dan pagar di-sepanjang tebing sungai di-Pekan Tutong.

Sa-orang juruchakap Jabatan Bandaran Tutong berkata, kerja2 membena pagar dan bangku2 itu telah selesai dalam bulan Disember tahun lalu.

Kata-nya, projek tersebut telah menelan belanja sa-banyak \$11,525.00.

Pagar besai yang tinggi-nya empat kaki dan lebeh dari 700 kaki panjang itu bukan sahaja menambahkan kechantekan pekan itu, tetapi ia-nya juga untuk menchegeh kanak2 dari bermain di-atas tembok konkrit di-tebing sungai itu.

SETEM2 KHAS HABIS DI-JUAL

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Ketua Pos Agong, Awang Mohammad Jaafar bin Haji Mohd. Daud berkata setem2 keluaran khas bagi memperingati hari ulang tahun yang ka-20 Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia telah habis di-jual.

Setem2 yang berharga empat sen, 15 sen dan 25 sen itu telah mula di-jual di-pejabat2 pos di-

negeri ini pada 19 Disember tahun lalu.

Awang Mohammad Jaafar berkata, sa-jumlah 225 000 keping setem2 peringatan itu telah di-jual.

Dari jumlah ini, 140,000 keping yang berharga 4 sen, 50,000 yang berharga 15 sen dan 35,000 yang berharga 25 sen.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Jururawat Perchubaaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah menchapai umur 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus Form III Inggeris atau yang bersamaan.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaaan D.1-2 — \$210x10 - 260/270x15 - 360. gaji permulaan bergantung kepada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlatah — D.3 — \$380x20 - 480.

Sharat2 Lantekan:

(a) Pemohon2 yang terpilih akan menjalani latehan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlatah di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Lazim-nya latehan ini memakan masa sa-lama tiga tahun empat bulan. Sa-telah memperolehi Sijil Jururawat Terlatah, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sa-bagai Jururawat Terlatah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.

(b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaaan akan menerima alaan dhobi dan alaan makan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Februari, 1969.

Sa-bagai Jururawat Terlatah dan Jururawat

PERMOHONAN2 a d a -lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Jururawat Terlatah dan Jururawat untok berkhidmat di-Jabatan Perubatan Negeri Brunei.

Kelayakan2:

Jururawat Terlatah: Mesti-lah sa-orang Jururawat berdaftar serta mempunyai kelayakan yang di-akui.

Jururawat: Mesti-lah sa-orang Jururawat yang berdaftar; DAN sa-orang Bidan yang berkelulusan serta mempunyai kelayakan yang di-akui.

Gaji:

Jururawat Terlatah: Dalam sukatan gaji D.3 — \$380x20-480.

Jururawat: Dalam sukatan gaji D.4 — \$500x20-620.

Temu Duga:

Akan di-atorkan tidak lama setelah di-terima

permohonan2 daripada pemohon2 yang berkelayakan.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek atau sa-chara sa-bulan ka-sebulan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar kepada Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan. Sampul surat hendak-lah di-tulis "Application — Staff Nurses/Trained Nurses."

Borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan, untok di-penohkan atau akan di-penohkan sa-belum temu duga. Diploma2, MESTILAH di-bawa semasa temu duga dan salinan-nya akan di-simpan sekira-nya pemohon2 itu boleh di-terima.

Sa-bagai Pembantu Teknik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa memenohi jawatan sa-bagai pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu atau yang bersamaan dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sa-lama tiga tahun dalam jurusan teknikal, terutama sekali dalam ukor mengukor.

Gaji:

Chalun2 yang berjaya yang bukan daripada raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Februari, 1969.

DI-JABATAN BUROH

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi satu jawatan sa-bagai Kerani Bahagian B I Tingkat Khas di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge dan berpengalaman dalam perkara2 perburohan. Pengetahuan dan pengalaman dalam kerja2 berkaitan dengan Pertubohan Buroh Antara-Bangsa ada-lah satu keistimewaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.1 EB 2 — \$570x30-630/EB/660x30-900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama

6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Februari, 1969.

SI-TUYU

oleh: m.salleh ibrahim



DOI! LICHIN... LICHIN.....

LU MAU GUNTING KAH?

CHABUT JANGGUT ADA KAH, MOI?..

SESUAIKAN KEADAAN BILA MENGHADAPI KEMAJUAN

LEBEH 120 ORANG INGIN MENJADI GURU PELATEH

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah menerima lebih dari 120 permohonan untuk memasoki kursus perguruan selama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, dari jumlah permohonan itu, sa-ramai 75 orang sahaja akan dipilih untuk memasoki maktab tersebut dalam tahun ini.

Juruchakap itu berkata, permohonan yang telah lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan mendapat pangkat 'A' dan 'B' atau yang sa-banding dengan-nya dalam aliran Melayu atau Inggeris akan di-pertimbangkan.

Juruchakap itu menambah, sa-belum sa-orang itu di-terima, pemohon2 mesti-lah menjalani temu duga dan pemeriksaan doktor bagi melayakan diri untuk mengikuti kursus tersebut.

Sa-masa menjalani kursus, guru2 pelateh itu akan menerima alaan sa-banyak \$180 sabulan bagi tahun pertama dan kedua dan \$190 sabulan bagi tahun ketiga.

Alaan tersebut akan di-potong sa-banyak \$60.00 jika guru2 pelateh itu di-tempatkan di-asrama.

Juruchakap itu berkata, permohonan yang di-terima adalah di-kehendaki menanda-tangani satu perjanjian dengan kerajaan.

Pembinaan rumah sakit berjalan lanchar

KUALA BELAIT. — Pembinaan rumah sakit baru di-Kuala Belait sedang berjalan dengan lanchar.

Pembinaan rumah sakit yang moden itu telah di-mulakan pada awal bulan Julai tahun lepas dan ia-nya di-jadualkan siap kira2 dalam bulan September tahun 1970.

Pembinaan rumah sakit baru itu menelan belanja sa-banyak \$13 juta.

Rumah sakit itu mempunyai kawasan sa-luas 29 ekar dan bangunan-nya di-bena tiga tingkat.

Apabila siap nanti, ia-nya akan mempunyai 180 katil dalam 15 buah wad yang berhawa dingin.

Dua buah wad yang berasingan akan di-gunakan bagi menempatkan orang2 lelaki dan perempuan yang mengidap penyakit otak.

Sa-buah blok bangunan pentad-biran juga akan di-bena berhampiran dengan rumah sakit itu yang mana tingkat atas-nya akan di-gunakan sa-bagai surau.

Sa-buah landasan pendaratan pesawat helikopter yang membawa orang sakit ka-rumah sakit itu juga akan di-bena di-kawasan itu.

Permohonan untuk masok pereksa S.R.P. di-terima mulai 1 Feb.

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pelajaran akan mula menerima permohonan2 dari chalu2 persendirian yang ingin mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dalam aliran Melayu dan Inggeris pada 1 Februari hingga 5 Mach depan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, peperiksaan itu akan di-adakan dalam bulan Oktober 1969 di-Bandar Brunei, Tutong, Temburong, Seria dan Kuala Belait.

Bakal2 chalu2 hendak-lah menunjukkan bukti yang mereka ada belajar dalam Form Tiga atau di-sokong oleh pengetua2 sekolah2 menengah di-negeri ini.

Bayaran bagi sijil penoh ialah \$15.00 dan bagi satu mata pelajaran ia-lah \$3.00.

Borang permohonan boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei dan dari Pengelola Kelas2 Dewasa diseluruh negeri.

Semua borang yang telah di-isikan bersama2 dengan bayaran hendak-lah di-sampaikan kepada Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei tidak lewat dari 5 Mach, 1969

Lagi sa-orang bakal haji meninggal dunia



BANDAR BRUNEI — Sa-orang lagi bakal haji Brunei telah meninggal dunia ketika dalam perjalanan untuk menunaikan fardzu haji.

Bakal haji itu ia-lah Awang Besar bin Pudin (gambar atas) dari Kampong Saba Laut.

Beliau telah meninggal dunia di-Madinah pada 20 Januari lepas.

Allahyarham Awang Besar berusia 43 tahun dan bekerja di-Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan.

Allahyarham Awang Besar ia-lah bakal haji yang ketiga meninggal dunia dalam perjalanan ka-Mekah.

Dua orang yang lain-nya ia-lah Awang Puteh bin Mohammad Serudin dari Kampong Pelambayan dan Awang Dagang bin Nudin dari Kampong Mulaut.

118 BAKAL HAJI BERLEPAS DGN. KAPAL TERBANG

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 118 orang bakal Haji Brunei, termasuk 53 orang perempuan meninggalkan tanah ayer ka-Mekah dengan kapal terbang pada hari Isnin lepas untuk menunaikan fardzu Haji.

Mereka bertolak ka-Labuan dalam lima penerbangan untuk menaiki kapal terbang Britania yang membawa bakal2 Haji itu ka-Jeddah, melalui Bangkok dan Karachi.

Di-antara-nya ia-lah 20 orang pegawai kerajaan dan keluarga mereka, termasuk Pegawai Hutan di-Belait, Awang Zainal Abidin bin Bendahari Mohammad; Kadzi Daerah Brunei-Muara, Awang Ishak bin Adam dan Nazir Sekolah2 Melayu Daerah Temburong, Chegu Zainal bin Haji Panjang.

Dua orang pegawai kerajaan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Haji Awang Mohammad Taha bin Bakir dan Pengiran Ahmad bin Pengiran Mohammad Yu-

soff yang di-lantek oleh kerajaan sa-bagai pegawai kebajikan haji, juga telah bertolak sama pada hari itu.

Lebih dari 2,000 orang telah mewanjiri di-lapangan ter-

bang Berakas untuk mengucapkan selamat belayar. Sementara itu sa-ramai 118 orang lagi bakal2 Haji Brunei, akan bertolak ka-Mekah dengan kapal terbang esok 30 Januari.

Tahniah M.B. kpd ahli2 bomba

(Dari Muka 1)

Beliau mengingatkan kepada ahli2 bomba yang baru itu supaya tidak menganggap yang mereka sudah menunaikan tugas masing2 dengan tamat-nya latehan2 itu.

Beliau berkata bahawa dengan tamat latehan itu ada-lah menandakan yang mereka baru saja mendapat kebenaran untuk menghadapi dan meneruskan tugas2 mereka.

"Awang2 akan memikul segala2-nya itu dengan gagah dan tabah sa-bagai raayat yang patoh dan memahami kehendak2 raayat dan Kerajaan serta negara dengan sifat kesetiaan

dan keperwiraan bangsa kita yang sejati".

Akhir-nya, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mengucapkan tahniah kepada pelateh2 itu dan kepada pegawai2 yang bertanggung-jawab untuk menjalankan latehan2 sa-hingga pelateh2 itu mencapai taraf kelayakan sa-bagai sa-orang ahli bomba yang teriateh.

Beliau menyeru ahli2 yang baru itu supaya akan mempergunakan segala yang di-ajar-kan di-samping lebeh giat lagi mempelajari serta menguasai teknik2 dan pengetahuan2 yang baru.

MASHUARAT PENGAKAP

BANDAR BRUNEI — Majelis Pengakap Negeri telah mengadakan persidangan yang pertama bagi tahun ini di-Ibu Pejabat Pengakap Seria pada hari Sabtu lepas.

Dalam mashuarat itu antara lain telah membincangkan mengenai bangunan Ibu Pejabat Pengakap baru yang berharga \$80,000.00 yang akan di-bena di-Jalan Gadong.

Mashuarat itu juga telah membuat ketetapan bagi mengadakan perkhemahan pengakap negeri di-Daerah Brunei dalam masa chuti sekolah penggal pertama tahun.

Sementara itu Persatuan Pengakap Daerah Brunei akan mengadakan mashuarat jawatankuasa-nya di-Ibu Pejabat Negeri Bandar Brunei pada hari Khamis esok mulai 5.30 petang.